

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : SELANGOR KINI
TARIKH / HARI : 14 APRIL 2017 (JUMAT)

Tingkat kualiti perkhidmatan

Prestasi baik jadi inspirasi ^{14/4 SK}

OLEH HAFIZAN TAIB

SHAH ALAM - Pencapaian cemerlang dalam perkhidmatan hingga memperoleh kejayaan diharap terus menjadi inspirasi warga kerja Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) meningkatkan kualiti dan berkhidmat kepada masyarakat.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Mohd Amin Ahmad Ahya berkata, pengiktirafan diberikan kerana komitmen kakitangan MBSA yang mampu menjadi pendorong kecemerlangan berterusan.

Katanya, ia juga dijadikan inspirasi kepada rakan lain memperoleh kejayaan sama, pada tahun akan datang.

"Warga kerja berkaitan adalah individu yang melaksanakan tugas tanpa perlu diarah atau dipantau kerana berdisiplin tinggi. Mereka mengambil inisiatif melalui idea kreatif dan inovatif serta melakukan apa juga tugas.

"Warga kerja hebat juga sentia-

sa berfikir sumbangan meningkatkan kualiti perkhidmatan dan organisasi tanpa mengharapkan balasan daripada pengurusan," katanya dalam majlis penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) MBSA 2016 di Auditorium MBSA, di sini, pada 10 April lalu.

Pada majlis itu, Mohd Amin menyampaikan anugerah kepada 129 kakitangan MBSA yang terpilih.

Mohd Amin berkata, Shah Alam adalah bandar raya paling terancang pembangunannya di Selangor, malahan mungkin di Malaysia ekoran kesesakan lalu lintas masih terkawal berbanding Kuala Lumpur atau Petaling Jaya.

Katanya, itu kerana perancangan pembangunan teliti dilaksanakan MBSA dalam meluluskan pemohonan kebenaran merancang yang membuatkan setiap kemajuan dapat dilakukan dengan strategik.

"Difahamkan, kutipan hasil MBSA pada tahun lalu ialah

RM390 juta iaitu tertinggi dalam kalangan pihak berkuasa tempatan (PBT) di Selangor. 1

"Kutipan hasil tinggi memungkinkan MBSA merancang dan melaksanakan kerja seperti penambahbaikan, menaik taraf

serta memberi perkhidmatan berkualiti kepada masyarakat, malahan boleh dikatakan MBSA peneraju kepada pembangunan bandar raya moden juga bestari," katanya. 2

Dengan pencapaian cemer-

lang diraih, beliau menaruh keyakinan MBSA mampu menyahut cabaran Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali menjadikan Shah Alam sebagai 'Smart City' yang boleh menjadi penanda aras kepada PBT lain. 3

